

BAB 5: TAMADUN AWAL DUNIA

BAHAGIAN B Soalan Struktur

1. Tamadun Mesopotamia merupakan tamadun terawal dunia yang terletak di antara dua sungai iaitu Sungai Tigris dan Sungai Euphrates.

Tahap kemajuan dalam kehidupan masyarakat dicapai dalam bidang kebudayaan, sains, industri dan sistem kerajaan.

- a) Apakah kelebihan yang dimiliki oleh Tamadun Mesopotamia? [2 markah]

- b) Gambar berikut menunjukkan ilustrasi negara kota dalam Tamadun Mesopotamia.



Jelaskan ciri-ciri yang menunjukkan bahawa bandar dalam negara kota ini merupakan bandar terancang. [4 markah]

- c) Seandainya anda berpeluang membina sebuah bandar terancang, terangkan konsep bandar tersebut. [4 markah]

2. Tamadun Indus yang terletak di Lembah Sungai Indus terkenal kerana mempunyai bandar-bandar yang terancang.

a) Gambar berikut merujuk kepada bandar pada zaman Tamadun Awal.



Terangkan keistimewaan bandar terancang dalam Tamadun Indus. [2 markah]

b) Bagaimanakah Tamadun Indus mampu membina bandar terancang? [2 markah]

c) Namakan bandar-bandar terancang di Malaysia. [2 markah]

d) Jelaskan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya bandar di Malaysia dibina tanpa perancangan yang betul. [4 markah]
